

**KONSEP *AI-QUWWAH AL-INSĀNIYYAH* DARI  
PERSPEKTIF AL-QUR’ĀN DAN AL-HADĪTH:  
ANALISIS PROGRAM RAKAN SISWA (RAKSI)**

Oleh

**MOHAMAD HILMI BIN MAT SAID**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan Ijazah  
Doktor Falsafah

**Julai 2013**

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat Baginda dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah segala puji dipanjangkan ke hadrat Allah s.w.t kerana telah mengurniakan semangat, kekuatan, kesihatan, keupayaan, ‘inayah dan rahmat kepada pengkaji sehingga kajian ini berjaya disempurnakan.

Pertamanya pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian ini iaitu Prof Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir di atas segala bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang telah diberikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tanpa keprihatinan, kesungguhan dan sokongan beliau kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Pengkaji juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh Prof Madya Abdul Jalil Borham (UMP), Dr. Mansor Sulaiman (UMP), Dr Irwan Mohd Sobri (USIM), Encik Nik Mohd Zaim Ab Rahim (UTM), Puan Paridah Mohd Ali (UMP), Puan Kamsiah Abdul Karim (UMP), Encik Saharudin Ramli (UMP), Puan Noraini Hamzah (UMP), Encik Ahmad Hilmy Agir, Abdul Wahid Salleh (UNISZA) di atas maklumat, idea dan pandangan membina yang diberikan bagi menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberi bimbingan dan menyumbangkan pandangan bernes untuk memperkemaskan lagi penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan tidak dilupakan juga ditujukan kepada semua pembangun Modul RAKSI yang diketuai oleh Puan Haslinda @ Robita Hashim, Encik Nasrul Salim

Pakheri, Encik Shah Khairul Faizul Ilias, Encik Nik Mohd Izual Nik Ibrahim, Encik Ahmad Reduan Mohd Yusof, Encik Muhamad Zahim Sujod, Encik Wan Sharuzi Wan Harun, Cik Asmida Ideris, Puan Mazni Ismail, Ustaz Abdu Sahak, Puan Rahmatul Hidayah Salimin, Cik Zainah Md. Zain, Cik Norhayati Rosli, Cik Nasratun Masngut, Encik Nidzamuddeen Ishak, Prof Madya Dr. Mohd Fadzil Mohd Idris, Encik Ahmad Johari Mohamad, Encik Mohd Rashdan Abdul Rahman, Encik Ahmad Nor Kasruddin Nasir dan Encik Mohd Redzuan Ahmad di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada isteri dicintai lagi dikasihi puan Norsuhaila Musa di atas sokongan, dorongan, bantuan, kesabaran dan kerjasama yang dihulurkan sepenuhnya bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada ibu bapa dan ibu bapa mertua yang tidak pernah jemu mendoakan, memberi semangat dan galakkan agar pengkaji berjaya menyudahkan kajian ini dengan jayanya. Selain itu ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada seluruh kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang, Perpustakaan Kolej Islam Pahang, Perpustakaan Kolej Antarabangsa IKIP Pahang, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putera Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sewaktu pengkaji mengumpul data dan maklumat yang diperlukan.

Buat akhirnya pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan memperoleh ganjaran kebaikan daripada Allah s.w.t

## ISI KANDUNGAN

## HALAMAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan Kata	xi
Senarai Lampiran	xii
Transliterasi	xiii
Abstrak	xvi
Abstract	xvii
<b>Bab Satu : Pendahuluan</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	17
1.4 Kajian Terdahulu	18
1.5 Skop dan Batasan Kajian	25
1.6 Kepentingan Kajian	28
1.7 Metodologi Kajian	29
1.8 Penutup	33
<b>Bab Dua : <i>Al-Quwwah al-Insāniyyah</i> Menurut Pandangan al- Qur’ān</b>	34
2. Definisi <i>al- Quwwah al-Insāniyyah</i>	34
2.1 Definisi <i>al-Quwwah</i>	34
2.2 Definisi <i>al-Insyāniyyah</i>	41
2.3 Definisi <i>al-Basyariyyah</i>	46
2.4 Perbezaan antara <i>al-Insāniyyah</i> dan <i>al-Basyariyyah</i>	49

2.5 Definisi <i>al-Quwwah al-Insāniyyah</i>	53
2.6 Kejadian Insan	53
2.6.1 Aspek rohani (Kejadian Ruh, Hati, Nafsu dan Akal)	53
2.6.1.1 Kejadian <i>Rūh</i>	58
2.6.1.2 Kejadian Hati	58
2.6.1.3 Kejadian Nafsu	60
2.6.1.4 Kejadian Akal	63
2.6.2 Aspek jasmani	64
2.6.2.1 Asas Kejadian Manusia	64
2.6.2.2 Proses Pensenyawaan	66
2.6.2.3 <i>Sulālah</i> atau Sari pati	68
2.6.2.4 Fasa-Fasa Kejadian Bayi	72
2.6.2.5 Pendengaran, Penglihatan dan Akal	73
2.7 Ciri-ciri <i>Insāniyyah</i>	76
2.7.1 Ciri-ciri Keistimewaan Manusia	77
2.7.1.1 Manusia Sebaik-baik Makhluk Ciptaan	77
2.7.1.2 Manusia Khalifah di Dunia	80
2.7.1.3 Manusia Makhluk yang Di Muliakan	83
2.7.1.4 Manusia Mempunyai Pengetahuan dan Hikmah	87
2.7.1.5 Manusia Menerima Bebanan Amanah	89
2.7.1.6 Manusia Dilengkapi Dengan Kebolehan Diri	92
2.7.1.7 Manusia Bebas Memilih Haluan Hidup	95
2.7.1.8 Manusia Berkeupayaan Meningkatkan Darjat Diri	98
2.7.1.9 Manusia Berhubung Langsung dengan Maha Pencipta	100
2.7.1.10 Manusia Bersifat belas kasihan	102
2.7.2 Ciri-ciri Kelemahan Manusia dan Penyelesaiannya menurut al-Qur’ān	106
2.7.2.1 Bersifat Lemah	106
2.7.2.2 Bersifat Tergesa-gesa atau gopoh gapah	117
2.7.2.3 Bersifat Berbantah-bantah	123
2.7.2.4 Bersifat Mudah putus asa	132
2.7.2.5 Bersifat Keluh Kesah	141

2.7.2.6 Bersifat Tidak bersyukur dan Lupa Diri	152
2.7.2.7 Bersifat Bakhil	158
2.7.2.8 Bersifat Hasad Dengki	166
2.7.2.9 Bersifat Khayal dan Panjang Angan-Angan	174
2.7.2.10 Bersifat Berkumpulan, Tidak Mampu Hidup Bersendirian	176
 2.7.3 Kesimpulan	 180
  <b>Bab Tiga : Mekanisme – Mekanisme Pembangunan <i>Insāniyyah</i> Menurut al-Qur’ān dan al-Ḥadīth</b>	  185
3. 1 Mekanisme- Mekanisme Pembangunan <i>Insāniyyah</i> menurut al-Qur’ān	185
 3.1.1 <i>Tazkiyyah</i>	 187
3.1.2 <i>Musyāraṭah</i>	192
3.1.3 <i>Murāqabah</i>	196
3.1.4 <i>Muḥāsabah</i>	200
3.1.5 <i>Mu‘āqabah</i>	207
3.1.6 <i>Mujāhadah</i>	210
3.1.7 <i>Mu‘ātabah</i>	215
3.1.8 <i>Takhallī</i>	219
3.1.9 <i>Tahallī</i>	223
3.1. 10 <i>Tajallī</i>	230
3.1. 11 <i>Riyāḍah</i> (dah masukan pandangan al-Ghazali)	234
 3.1.12 Kesimpulan	 241
3.2 Pembangunan rohani dan perkaitannya dengan pembangunan fizikal manusia menurut al-Qur’ān	242
  <b>Bab Empat : Program Rakan Siswa (RAKSI) dan Analisis</b>	  253
4. 1 Pengenalan Program Rakan Siswa	253
4.2 Falsafah RAKSI	254
4.3 Rasional diwujudkan RAKSI	255
4.4 Objektif Program RAKSI	255
4.5 Pelaksanaan Program RAKSI	256

4.5.1 Ringkasan Pelaksanaan RAKSI	258
4.5.2 Garis Panduan Program RAKSI	261
4.5.3 Lima Perkara Utama ketika Program RAKSI dilaksanakan	262
<b>4.6 Prinsip-prinsip RAKSI</b>	<b>263</b>
4.6.1 Prinsip Rajin	263
4.6.2 Prinsip Amanah	263
4.6.3 Prinsip Komited	264
4.6.4 Prinsip Sistematik	264
4.6.5 Prinsip Ikhlas	264
<b>4.7 Pengisian Modul RAKSI</b>	<b>265</b>
<b>4.8 Jawatankuasa Program RAKSI UMP</b>	<b>269</b>
4.8.1 Bidang Tugas Ahli Jawatankuasa RAKSI	269
<b>4.9 Kaji Selidik Program RAKSI</b>	<b>272</b>
<b>4.10 Pencapaian Terbaik Program RAKSI</b>	<b>277</b>
<b>4.11 Permasalahan Program RAKSI</b>	<b>279</b>
<b>4.11 Sinopsis Modul-Modul RAKSI</b>	<b>282</b>
<b>Bab Lima : Analisis RAKSI</b>	<b>293</b>
5.1 Analisis Modul RAKSI dan kaitannya dengan konsep <i>al-Quwwah al-Insāniyyah.</i>	293
5.1.1 Modul 1, Pengenalan Diri.	293
5.1.2 Modul 2, Potensi Diri	297
5.1.3 Modul 3, Perancangan Strategik Pelajar UMP	303
5.1.4 Modul 4, Satu Hati, Satu Matlamat	307

5.1.5 Modul 5, Kasih Sayang	311
5.1.6 Modul 6, Kem Ibadah	318
5.1.7 Modul 7, Budi Bahasa	330
5.1.8 Modul 8, Cekal	335
5.1.9 Modul 9, Kejujuran dan Integriti	338
5.1.10 Modul 10, Hidup Bermasyarakat	345
5.1.11 Modul 11, Manusia Sebagai Khalifah	347
5.2 Cadangan Penambahbaikan Program RAKSI	355
5.2.1 Cadangan Penambahbaikan Terhadap Susunan Modul RAKSI	355
5.2.2 Cadangan Penambahbaikan dari Sudut Dalil al-Qur'ān dan al-Sunnah.	363
5.2.3 Cadangan Penambahbaikan Memasukkan Modul Nilai-Nilai Murni.	363
5.2.4 Modul Kenali Kelemahan Diri dan Cara Atasi	364
5.2.5 Pelaksanaan dan Tugasan	364
5.2.6 Syarat Graduasi	365
<b>Bab Enam : Kesimpulan</b>	368
6.1 Kesimpulan	368
6.2 Saranan	373
Rujukan	376
Lampiran	

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Jenayah Juvenil bagi tahun 2001-2003 di Malaysia	8
Jadual 1.2	Statistik Jenayah Juvenil bagi tahun 2007-2011 (Jan-Okt) di Malaysia	8
Jadual 1.3	Statistik Jenayah Juvenil bagi tahun 2007-2011 (Jan-Okt) mengikut bangsa di Malaysia	9

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Kekuatan dan Kelemahan Manusia Menurut al-Qur'ān	171
Rajah 2.2	Kekuatan Manusia dan Tindakan Menurut al-Qur'ān	172
Rajah 2.3	Kelemahan Manusia dan Penyelesaian Menurut al-Qur'ān	173
Rajah 3.1	Langkah-Langkah Pembangunan <i>Insāniyyah</i> menerusi kaedah <i>Takhallīf</i> , <i>Tahallīf</i> dan <i>Tajallīf</i> .	219
Rajah 3.2	Gambar rajah Rumusan Mekanisme-Mekanisme Pembangunan Insan Menurut al-Qur'ān.	225
Rajah 5.1	Cadangan Penambahbaikan Susunan Modul RAKSI	356
Rajah 5.2	Modul dan Objektif Rakan Siswa (RAKSI)	366

## SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	‘alayhi salam
Cet.	Cetakan
Ed.	Edisi
hlm.	Halaman
Ibid	Ibidem. In the same place / di tempat yang sama
J.	Jilid
RAKSI	Rakan Siswa
r.a	Radiya Allahu ‘anhu
s.a.w	Salla Allahu ‘Alayhi wa Sallam
s.w.t	Subhānahu wa ta’āla
JHEPA	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumi
t.th	Tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
UMP	Universiti Malaysia Pahang
KK 1	Kolej Kediaman Pelajar 1
JKP	Jawatankuasa Pelajar Kolej
KUKTEM	Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia
JERIS	Jasmani, Emosi, Intelek, Sosial
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
LDK	Latihan Dalam Kumpulan
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
PDRM	Polis Diraja Malaysia
ACP	Asisten Komisioner
KD 9	Keluarga Di TV 9
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
KEWAJA	Pusat Kebahagiaan Wanita dan Remaja
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
i robik	Islamik Senamrobik
IKUMP	Institusi Kefeloan Universiti Malaysia Pahang

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A

SURAT RASMI

LAMPIRAN B

STATISTIK JENAYAH PDRM

## TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu<sup>1</sup>. Manakala perkataan – perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

### 1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سَأْلَ	sa'ala
ب	b	بَدْلَ	badala
ت	c	تَمْرَ	tamr
ث	th	ثَرْوَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	ḥadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhhab
ر	r	رَحْمَنٌ	Rahmān
ز	z	زَمْزَمٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sy	شَمْسٌ	syams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr

---

<sup>1</sup> **Kamus Dewan Edisi keempat**, Noresah bt Baharom, B Sc (UM).M.A (Birmingham), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
خ	q	ظاهر	qamīr
ظ	z	ظهر	zuhṛ
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghaib
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مِزْمَار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	wasl
هـ	h	هبط	habata
يـ	y	يسار	yasar

## 2. VOKAL

### 1. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
-----	a	فعل	fa'ala
-----	i	حسب	ḥasiba
-----	u	كتب	kutiba

## 2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ي / ي	a	كَاتِبٌ وَ قَضِيَّ	kātib , qadā
ي	i	كَرِيمٌ	karīm
و	u	حُرُوفٌ	ḥurūf

## 3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aw	قَوْلٌ	qawl
ي	ay	سَيْفٌ	sayf
ي	i	رَجِيْ	rajī' atau raj'iyy
و	uww	عَدْوٌ	'aduww atau 'adū

## KONSEP *AL-QUWWAH AL-INSĀNIYYAH* DARI PERSPEKTIF AL-QUR’ĀN DAN AL-HADĪTH: ANALISIS PROGRAM RAKAN SISWA (RAKSI)

### ABSTRAK

Al-Qur’ān al-Karīm merupakan mukjizat teragung yang dianugerahkan Allah s.w.t ke atas baginda Rasulullah s.a.w. Ia merupakan sebuah kitab yang tiada sebarang keraguan dan berfungsi sebagai petunjuk bagi manusia ke jalan kebenaran. Al-Qur’ān seharusnya menjadi rujukan utama dalam kehidupan. Dewasa ini pelbagai permasalahan sosial timbul dalam kalangan pelajar dan remaja termasuklah golongan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan konsep-konsep asas *al-quwwah al-insāniyyah* berdasarkan al-Qur’ān untuk membangunkan suatu program bagi meningkatkan prestasi pembangunan insan . Konsep *al-quwwah al-insāniyyah* bermaksud ciri-ciri keinsanan yang memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijтиhad yang jitu, keutuhan jati diri, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban, bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Ia mencakupi seluruh aspek rohani, akal dan emosi serta jasmani sehingga membentuk sahsiah dan peribadi sebagai insan sempurna (*insān kāmil*). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis Modul RAKSI yang menjadi tulang belakang kepada kemahiran insaniah para graduan UMP dan melakukan penambahbaikan terhadap modul tersebut berkonsepkan *al-quwwah al-insāniyyah* berasaskan al-Qur’ān. Hasil kajian ini juga bakal menjadi rujukan kepada modul-modul pembangunan sahsiah yang boleh diguna pakai oleh institusi-institusi kerajaan maupun swasta. Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah kepustakaan di samping proses pengumpulan data menerusi bukti-bukti dokumen. Data-data ini dianalisis secara deskriptif menggunakan pendekatan metode analisis data secara induktif dan deduktif untuk membuat rumusan. Natijahnya modul yang menerima penambahbaikan secara bersepadu berteraskan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan diri mahasiswa menjadi insan yang gemilang sahsiah peribadi dan memiliki kepakaran yang tinggi dalam bidang pengkhususan yang diceburi.

**THE CONCEPT OF *AL-QUWWAH AL-INSĀNIYYAH* FROM AL-QUR’ĀN AND  
AL-HADĪTH PERSPECTIVES: AN ANALYSIS OF RAKAN SISWA PROGRAMME  
(RAKSI)**

**ABSTRACT**

Al-Qur’ān al-Karīm is the greatest miracle that God has bestowed on the Prophet. It is a scripture which contains no doubt and serves as a guide for mankind to seek the truth. Al-Qur’ān should be the main reference in people’s lives. These days, there are many social problems that occur among young adults and students, which include students at the institutes of higher learning. Hence, this study was undertaken to identify, analyse and summarise the basic concepts of *al-quwwah al-insāniyyah* in order to develop a program, which will be used to enhance the performance of human development. *Al-quwwah al-insāniyyah* concept can be defined as possessing humanity features such as strength and self-adequacy, a strong effort and self-determination, self-integrity, knowledgeable, civilized, kind, peaceful, responsible, willing to sacrifice, ready to face challenges and obstacles that lie ahead. It covers all aspects of spiritual, mental and emotional as well as physical characteristics in order to develop strong characters and personalities of a perfect man (*insan kamil*). In addition, this study also aims to analyse the RAKSI module, which is the backbone of UMP graduates Soft Skills, by making modular improvements based on the Quranic concept of *al-quwwah al-insāniyyah*. The results of the study can also be the reference to Soft Skills module developments that can be used by public and private institutions. This research is a qualitative study with a case study design. The main methodology applied was the collection of literature and data through documented evidences. The data was analysed descriptively through inductive and deductive reasoning approach in order to make the conclusions. Consequently, the module which received integrated improvement based on *al-quwwah al-insāniyyah* concept is hoped to contribute to graduates’ self-development in building a strong personal character and acquiring high expertise in the fields of endeavor.





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1. Latar Belakang Kajian

Konsep *al-Quwwah al-Insāniyyah* merupakan satu konsep asas yang terdapat di dalam al-Qur’ān al-Karīm yang cuba diketengahkan oleh pengkaji. Ia merupakan satu konsep dalam memahami kekuatan manusia berasaskan al-Qur’ān dan al-ḥadīth untuk melahirkan individu yang harmoni, berprestasi, maju, mempunyai kredibiliti yang tinggi, beretika dan berakhlik mulia. Maka juga menjadi matlamat kajian ini ialah untuk memantapkan program Rakan Siswa (RAKSI)<sup>1</sup> di Universiti Malaysia Pahang (UMP)<sup>2</sup> berasaskan konsep *al-quwwah*<sup>3</sup> *al-insāniyyah*<sup>4</sup> dari perspektif al-Qur’ān.

---

<sup>1</sup> Selepas ini pengkaji menggunakan RAKSI sebagai singkatan kepada RAKAN SISWA. RAKSI merupakan satu program Universiti yang telah diperkenalkan pada tahun 2003 oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan dipersetujui oleh Professor Dato' Abu Azam Bin Md. Yassin Mantan Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) nama asal bagi Universiti Malaysia Pahang, yang pertama. Ini kerana beliau melihat kepentingan wujudnya suatu program yang mampu mendidik mahasiswa Universiti ini dan diwajibkan kepada pelajar tahun pertama yang baru melangkah kaki ke Menara Gading.

<sup>2</sup> Selepas ini pengkaji menggunakan UMP sebagai singkatan kepada Universiti Malaysia Pahang.

<sup>3</sup> *Al-Quwwah* : lawan kepada lemah, membawa maksud kekuatan sebagaimana firman Allah s.w.t dalam al-Qur’ān di dalam surah Maryam ayat 12 “*Wahai Yahya terimalah Kitab itu (serta amalkan) dengan kekuatan (bersungguh-sungguh)*”. Kekuatan di sini bermaksud dengan bersungguh-sungguh dan dengan bantuan Allah Ta’āla iaitu kekuatan dari tubuh badan (luaran) dan akal (dalaman) menurut pandangan Ibn al-Sīdah. Sila lihat Allāmah Abī al-faḍl Jamal al-din Muḥammad bin Mukram Ibnu al-Manzūr al-Afrīkī al-Misrī. 1990. *Lisān al-‘Arab*. Cet. 1. Maktabah Dār al-Fikr. Beirūt, hlm. 208. Manakala *Quwwah* : juga membawa pengertian bagi kekuatan tubuh badan, kekuatan hati (dalaman) dan kekuatan Allah s.w.t. Sila lihat Abd al-Latif Yūsuf, 1998. *Zubdah al-Mufradāt līl al-tolīb wa al-tolībat* . cet. 1, Dār al-Ma’ārif. Beirūt, hlm. 414.

<sup>4</sup> *Al-Insāniyyah* : asal perkataan *Insun* (إنسان) bermaksud manusia, *Insāniyyun* (إنسانيّة) bermakna bersifat kemanusiaan iaitu berpengetahuan, bertamadun, cintakan kebaikan dan kesejahteraan, *Insāniyyah* (إنسانية) bererti jenis atau ras manusia bersifat (tabiat) dengan kemanusiaan (cintakan kebaikan dan bersifat dermawan) Sila lihat 1) Munīr al-Ba’albaki, 1996. *al-Mawrid*, Dār al-I’lmi al-Malayīn, Beirūt, hlm. 189. 2) Jama’ah min Kubbār al-Lughawiyyīn al- ‘Arab. 1989. *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*. Larrousse. Tunisia, hlm. 113-114. 3) *Al-Miftāh*, 2008, cet. 2, al-Azhar Media Entreprise, Shah Alam, Selangor, hlm. 275-276. Secara kesimpulannya melalui 5 buah kamus di atas, maksud *al-Quwwah al-Insāniyyah* ialah himpunan keupayaan dalaman, pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat dari aspek spiritual, fizikal, emosi, intelek dan akhlak terpuji yang terdapat dalam diri seseorang.

Di dalam Program RAKSI terdapat 11 modul yang bertemakan pembangunan dan pemantapan sahsiah, akhlak terpuji, dan kemahiran insaniah pelajar dari sudut jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Program ini diaplikasikan dalam bentuk latihan dalam kumpulan<sup>5</sup> (LDK) bertujuan mendedahkan kepada pelajar baharu kepada konsep mengenali hakikat dan potensi diri. Modul ini adalah berteraskan gabungan kepada elemen nilai-nilai positif UMP<sup>6</sup>, 5 elemen utama *Soft Skills* UMP<sup>7</sup> dan 7 elemen utama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)<sup>8</sup>.

Dalam kajian ini Modul RAKSI<sup>9</sup> UMP dijadikan sebagai kajian kes utama berlandaskan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur‘ān dan al-hadīth<sup>10</sup>. Dengan kajian ini diharapkan suatu Modul RAKSI baru yang ditambah baik dengan elemen-elemen yang berdasarkan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur‘ān dan al-hadīth akan dapat dihasilkan. Modul ini akan diaplikasikan kepada pelajar-pelajar baharu di UMP dan menjadi rujukan, panduan dalam setiap aktiviti di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)<sup>11</sup> UMP di IPT yang lain.

---

<sup>5</sup> Selepas ini pengkaji akan menyebut LDK singkatan kepada Latihan Dalam Kumpulan selepas ini.

<sup>6</sup> 5 Nilai Teras UMP ialah, hubungan yang kuat dengan yang maha Pencipta, teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati, kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan, cekal dalam menghadapi cabaran dan proaktif dalam tindakan.

<sup>7</sup> 5 elemen *Soft Skills* UMP ialah, nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi lisan, komunikasi penulisan dan keupayaan pembelajaran.

<sup>8</sup> Selepas ini pengkaji menggunakan KPTM sebagai singkatan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Elemen kemahiran insaniah KPTM ialah, kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

<sup>9</sup> 11 Modul RAKSI tersebut ialah, pengenalan diri, potensi diri, perancangan strategik pelajar UMP, satu matlamat, kasih sayang, kem ibadah, budi bahasa, cekal, kejujuran dan integriti, hidup bermasyarakat, manusia sebagai khalifah.

<sup>10</sup> Setelah dikenal pasti ayat-ayat al-Qur‘ān yang berkaitan dengan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* pengkaji akan melihat tafsiran ayat-ayat tersebut melalui kitab-kitab tafsir yang muktabar.

<sup>11</sup> Selepas ini pengkaji akan menyebut JHEPA sebagai singkatan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

## 2. Pernyataan Masalah

Isu permasalahan sosial di kalangan pelajar dan remaja merupakan perkara yang tidak dapat dinafikan dewasa ini. Bermula dari sekolah rendah hingga di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)<sup>12</sup> tidak sunyi dengan pelbagai jenis kes-kes yang melibatkan permasalahan negatif dari sudut sahsiah dan akhlak. Dengan ini jelas bahawa suatu program yang meningkatkan prestasi pembangunan modal insan berteraskan *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur‘ān dan al-ḥadīth amat diperlukan bagi menangani isu-isu di atas.

Ini sebagaimana firman Allah Ta‘āla dalam surah ’Ali-Imr’ān ayat 110 :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ  
ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابُ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِقُونَ ﴿١١٠﴾

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, milarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) dan kamu pula beriman kepada Allah s.w.t (dengan sebenar-benar iman). Kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik”.

Ayat di atas menyatakan bahawa umat Nabi Muhammad s.a.w merupakan umat yang terbaik. Iaitu umat yang beriman, bertakwa dengan mentaati segala perintah dan

---

<sup>12</sup> Selepas ini pengkaji akan menggunakan istilah IPT singkatan kepada Institusi Pengajian Tinggi.

larangan Allah s.w.t. dan mereka diciptakan oleh Allah Ta‘āla untuk memimpin manusia di muka bumi ini. Di antara ciri-ciri umat yang terbaik ini ialah mereka mewarisi tugas para Rasul. Iaitu menyeru manusia agar mengesakan Allah s.w.t, menjauhi kekufuran dan kemosyikan, beriman kepada para Rasul dengan menerima segala yang disampaikan oleh mereka, percaya, yakin dengan segala kitab yang diturunkan Allah s.w.t. Justeru itu sekiranya ahli kitab di kalangan Yahudi dan Nasrani itu beriman sebagaimana ciri yang disebut di atas, maka itu adalah yang terbaik buat mereka. Di kalangan mereka terdapat yang beriman seperti Abdullah bin Salam dan para sahabatnya namun kebanyakannya masih kekal dengan kekufuran<sup>13</sup>.

Permasalahan jenayah juvenil semakin membimbangkan. Antara jenis-jenis juvenil yang dilakukan ialah mencuri, bergaduh dan membunuh<sup>14</sup>. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dapat membuktikan yang jenayah juvenil tidak sahaja melibatkan kes-kes domestik seperti buli, bergaduh tetapi juga dalam jenayah serius seperti samun, rogol dan bunuh. Kesalahan juvenil yang paling banyak melibatkan kes pecah rumah dan curi diikuti dengan mencederakan orang sama ada secara bergaduh atau buli di sekolah. Statistik yang dikeluarkan oleh PDRM berkaitan jenayah juvenil untuk tahun 2001 hingga 2003 menunjukkan secara jelas bahawa jenayah seksual di kalangan juvenil adalah tinggi kerana perbuatan merogol

---

<sup>13</sup> Al-Fairūzābādī, Muḥammad Bin Ya‘akūb Bin Faḍlu Allah, 2005. *Tanwīr al-Miqbās Mīn Tafsīr Ibn ‘Abbās*, Cet. Pertama, Beirūt: al-Maktabah al- ‘Aṣriyyah, hlm. 74. Ia juga dikenali sebagai Tafsīr Ibn ‘Abbās.

<sup>14</sup> Fatimah Yusro Hashim dan Salawati Desa, 2004, Implementasi Undang-Undang terhadap Penjenayah Juvenil: Implikasi dalam menangani Gejala Sosial di kalangan Pesalah Juvenil, Seminar Gejala Sosial dalam Masyarakat: Prosiding Seminar Kebangsaan ke-3 Psikologi dan Masyarakat, ESSET, Universiti Kebangsaan Malaysia, 4 dan 5 Oktober, 2004. Pusat Penerbitan dan Teknologi Pendidikan UKM, hlm. 247.

sahaja dicatatkan sebanyak 141 kes manakala cabul pula sebanyak 139 kes<sup>15</sup>. Dari segi tangkapan mengikut bangsa pelajar Melayu mencatatkan peratusan yang tertinggi serta menunjukkan kadar peningkatan sepanjang tempoh 2000-2004<sup>16</sup>. iaitu 69.38 peratus atau 1883 pelajar pada tahun 2000, diikuti 75.36 peratus (1734 pelajar) tahun 2001, 76.25 peratus (1535 pelajar) tahun 2002, 78.53 peratus (2012 pelajar) tahun 2003 dan 79.64 peratus (1060 pelajar) antara Januari hingga Jun tahun 2004. Manakala statistik pada jadual 1.2 menunjukkan peningkatan yang amat ketara dengan mengekalkan jenayah curi dan pecah rumah mencatatkan jumlah kes yang tertinggi. Jenayah curi bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2011 mencatatkan peningkatan kes sebanyak 13,920, kes manakala jenayah pecah rumah mencatatkan 3091 kes. Jenayah-jenayah lain ialah rogol 2490 kes, samun 2039 kes, mendatangkan kecederaan 1677 kes dan bunuh 180 kes.

Sekiranya diteliti statistik-statistik ini maka didapati bahawa bilangan kes bagi setiap jenis jenayah juvenil semakin meningkat dengan meningkatnya tahun. Ia merupakan sesuatu yang sangat membimbangkan dan sedang berlaku dalam masyarakat di negara ini. Dari segi tangkapan mengikut bangsa, menunjukkan bahawa bangsa pelajar Melayu kekal mendominasi semua kes jenayah yang berkait dengan juvenil. Situasi ini menjelaskan bahawa suatu kajian khusus bagi membangunkan modul khas perlu diusahakan untuk menangani kes-kes tersebut dari terus menerus

---

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Statistik ini dibentangkan Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman oleh Asisten Komisioner (ACP) Aishah Mohamad ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk Psikologi/Tingkah Laku Remaja Dari Perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Konvensyen Disiplin Murid Peringkat Kebangsaan 03 Ogos 2004 di Kuala Lumpur. Sumber dari Berita Harian 04 Ogos 2004 muka surat B8 Pendidikan.

meningkat. Purata had umur jenayah juvenil yang terlibat ialah seawal usia 7 hingga 18 tahun dan peringkat umur majoriti mereka adalah pada usia 16 hingga 18 tahun<sup>17</sup>.

Menurut Aishah<sup>18</sup> di antara rangkuman faktor yang mengakibatkan remaja terlibat dengan jenayah juvenil ialah membabitkan aspek harga diri, personaliti atau kelakuan, kepercayaan agama dan cara menyelesaikan masalah. Manakala punca utama masalah sosial yang dihadapi remaja ialah kegagalan mereka menguasai kekuatan asas bagi menghadapi kehidupan beradab. Empat kekuatan asas ialah kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi<sup>19</sup>. Maka dengan faktor-faktor di atas jelas menunjukkan bahawa perlunya satu program seperti program RAKSI<sup>20</sup> yang berkONSEPkan *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur’ān sebagai usaha untuk membendung permasalahan sosial di kalangan remaja.

Manakala permasalahan di kalangan remaja di IPT pula dapat diperhatikan sepanjang 35 tahun kajian bermula dari 1971 sehingga 2006 dilaporkan terdapat 3,818 kes salah laku. Dari jumlah tersebut kes khalwat di kalangan remaja mencatat kes yang paling tinggi sebanyak 735 kes. Selain dari itu kes penyelewengan akademik sebanyak 632 kes, membawa nota sewaktu peperiksaan 270 kes, kesalahan lalu lintas 121 kes

---

<sup>17</sup> Sila lihat jadual 1.2, Perangkaan Penglibatan dan Tangkapan Juvenil Jenayah Kekerasan dan Harta Benda Bagi Tahun 2007 hingga 2011 (Januari hingga Oktober) yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

<sup>18</sup> Statistik ini dibentangkan Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman oleh Asisten Komisioner (ACP) Aishah Mohamad ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk Psikologi/Tingkah Laku Remaja Dari Perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Konvensyen Disiplin Murid Peringkat Kebangsaan 03 Ogos 2004 di Kuala Lumpur. Sumber dari Berita Harian 04 Ogos 2004 muka surat B8 Pendidikan.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> RAKSI terkandung di dalamnya 7 elemen kemahiran insaniah KPTM yang mampu merawat faktor-faktor yang menjadi punca berlakunya peningkatan kes-kes juvana, seperti Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Etika Moral Profesional dan Kemahiran Kepimpinan

dan penyalahgunaan dadah 107 kes<sup>21</sup>. Melihat kepada statistik jenayah juvenil yang semakin tahun semakin meningkat tidak mustahil jenayah ini menyumbang kepada permasalahan sosial di kalangan pelajar di peringkat IPT.

TV9 menerusi slot Keluarga Di 9 (KD9) pernah membincangkan kes yang berkaitan di mana membawa topik Universiti Asmara pada 10 Januari 2008. Rancangan tersebut telah mengundang Encik Yahaya Mohamed Pengetua Pusat Perlindungan Remaja, Kem Bina Insan di Pusat Kebahagian Wanita Remaja (KEWAJA)<sup>22</sup>, Dr. Nur Izura Udzir Ketua Biro Ikhtisas Angkatan Belia Isla Malaysia (ABIM) dan Mohd Zaid Mohd Idrus Pemimpin Pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut Yahaya sejak beroperasi pada 2003 lebih 100 orang penuntut wanita IPT yang hamil luar nikah datang mendapat perlindungan di KEWAJA. Menurut beliau lagi antara punca berlakunya perkara negatif di atas ialah kejutan budaya di Kampus. Iaitu daripada persekitaran yang terkongkong di kampung kepada keadaan yang bebas secara tiba-tiba apabila memasuki IPT dan tinggal beramai-ramai di rumah sewa. Apabila terlanjur ramai memilih jalan mudah dengan menggugurkan anak secara haram atau membuang bayi. Selain dari sebab di atas ialah isu kekosongan jiwa remaja yang tiada pengisian positif ketika menuntut di IPT<sup>23</sup>. Hal ini membuktikan program yang bercorak pembangunan modal insan berkonseptan *al-*

---

<sup>21</sup> Berita Harian 28 November 2006.

<sup>22</sup> Selepas ini pengkaji menggunakan singkatan KEWAJA bagi Pusat Kebahagiaan Wanita Remaja.

<sup>23</sup> Berita Harian 15 Januari 2008.

*quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur'an<sup>24</sup> amat perlu diwujudkan seumpama program RAKSI di peringkat IPT.

**Jadual 1.1 : Statistik Jenayah Juvenil bagi tahun 2001-2003 di Malaysia**

JENIS JENAYAH	BILANGAN KES
Curi	3161
Mendatangkan kecederaan	418
Pecah rumah	1066
Kongsi gelap	37
Samun	279
Bunuh	50
Rogol	141
Cabul	139
Liwat	39
Sumbang muhram	19

Sumber: PDRM sebagaimana dicatatkan dalam prosiding Seminar Kebangsaan ke 3 Psikologi dan Masyarakat, Gejala Sosial dalam Masyarakat. Halaman 250.

---

<sup>24</sup> Hassan Langgulung dalam kertas kerja beliau melihat permasalahan ini dalam konteks ilmu kaunseling. Beliau menegaskan perlunya menilai semula ilmu kaunseling dari perspektif Islam. Ini agar ia dapat dikelolakan dalam bentuk yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah masyarakat dan bersesuaian pula dengan konteks budaya serta nilai-nilai agama. Hassan Langgulung, Kaunseling dalam Masyarakat Islam, Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam, hlm. 3

**Jadual 1.2 : Statistik Jenayah Juvenil bagi tahun 2007-2011 (Jan-Okt) di Malaysia**

JENIS JENAYAH	BILANGAN KES
Bunuh	180
Rogol	2490
Samun	2039
Mendatangkan Kecederaan	1677
Curi	13,920
Pecah Rumah	3091

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

**Jadual 1.3 : Statistik Jenayah Juvenil Bagi Tahun 2007-2011 (Jan-Okt) Mengikut Bangsa di Malaysia**

JENIS JENAYAH	Melayu	CINA	INDIA	LAIN-LAIN BANGSA	JUMLAH TANGKAPAN
Bunuh	145	29	54	123	351
Rogol	2769	120	88	221	3198
Samun	2090	160	618	203	3071
Mendatangkan Kecederaan	1510	248	650	553	2961
Curi	15092	733	1451	1661	18937
Pecah Rumah	3601	191	334	827	4953

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Di samping isu permasalahan negatif yang menimpa remaja di IPT terdapat juga isu ketiadaan Kemahiran Insaniah yang dikatakan menjadi punca bertambahnya bilangan siswazah menganggur. Ini merujuk kenyataan Bekas Menteri Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Dato' Mustapha Mohamed pada Julai 2007 yang berpandangan punca kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pihak majikan<sup>25</sup>. Kemahiran yang dimaksudkan ialah lemah penguasaan bahasa Inggeris, tidak berfikiran terbuka, tiada ciri kepimpinan dan semangat kekitaan serta tiada kemahiran komunikasi. Ini menurut beliau hasil dari dialog bersama majikan atau industri di negara ini<sup>26</sup>. Beliau juga menegaskan bahawa pencapaian akademik yang baik sahaja tidak menjamin siswazah tersebut memperoleh kerja. Ini membuktikan elemen-elemen yang disebut oleh Dato' Mustapha Mohamed memainkan peranan yang begitu penting dalam peluang pekerjaan di masa hadapan dan Program RAKSI<sup>27</sup> telah terkandung di dalamnya elemen-elemen sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak industri di negara ini.

Bidang perindustrian kini memerlukan bakal pekerja yang mempunyai keterampilan dalam bidang teknikal dan personaliti yang baik lagi berdaya saing<sup>28</sup>. Malangnya faktor kewibawaan graduan yang sering kali dipertikaikan adalah tidak

---

<sup>25</sup> Berita Nasional Malaysia (Bernama) 14 Julai 2007.

<sup>26</sup> Ibid

<sup>27</sup> RAKSI terdiri dari 3 rangkuman elemen-elemen di dalam Modul RAKSI iaitu 5 Nilai Teras UMP, 5 Soft Skills UMP dan 7 Kemahiran Insaniah KPTM

<sup>28</sup> Panel Penyusun. *Panduan Program Soft Skills UMP*. Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, 2005, hlm. vii.

terampil mereka dalam aspek *Soft Skills*<sup>29</sup> (Kemahiran Insaniah). UMP dalam mencapai visi dan misinya menjadi sebuah universiti bertaraf dunia telah mengambil inisiatif awal bermula tahun 2003 telah menekankan dan mewajibkan pelajar UMP memahami dan mempelajari *Soft Skills*. Ini yang berhubung dengan personaliti yang baik, profesional, integriti, berupaya berinteraksi dengan berkesan ke arah penyediaan tenaga profesional yang menjadi agen pembentuk dan pembangun masyarakat<sup>30</sup>. Dengan itu program RAKSI merupakan tulang belakang menjadi penentu kejayaan *Soft Skills* UMP yang berperanan memastikan graduan UMP memiliki kemahiran yang seimbang, bersepada dan menyeluruh sama ada dari sudut kualiti intelektual mahupun keterampilan insaniah yang merangkumi aspek sikap, akhlak dan sebagainya. Justeru itu pada tahun 2006, hasil dari ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia berhubung dengan pembangunan modal insan<sup>31</sup>. Begitu juga dialog Dato' Mustapha Mohamed Menteri di KPTM bersama pihak Majikan (industri) telah mewajibkan semua IPT di Malaysia melaksanakan pelan tindakan untuk menerapkan kemahiran insaniah melalui semua program sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah<sup>32</sup> (*Soft Skills*) untuk Institusi

---

<sup>29</sup> *Soft Skills* bermaksud Kemahiran Insaniah, selepas ini pengkaji akan mengekalkan nama *Soft Skills* dengan menggunakan nama *Soft Skills* UMP sebagai membezakannya dengan program lain yang mungkin ada kesamaan dan bagi memelihara keasliannya. 5 elemen *Soft Skills* UMP ialah Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Kerja Berkumpulan, Nilai Positif, Kemahiran Komunikasi dan Kemahiran Keupayaan Pembelajaran. Sila lihat Buku Panduan Program *Soft Skills* UMP hlm 3.

<sup>30</sup> Bagi memastikan setiap graduan UMP mempunyai ilmu *Soft Skills* sama ada dari sudut teori dan praktiknya pihak pengurusan UMP 2003 (ketika itu UMP dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknikal Malaysia (KUKTEM)) telah bersetuju agar *Soft Skills* ini dijadikan sebuah subjek berdaftar iaitu *Soft Skills* 1, kod subjeknya UHS 1011 dan *Soft Skills* 2, UHS 2011. Program RAKSI di bawah *Soft Skills* 1. Sila lihat Buku Panduan Program *Soft Skills* UMP hlm. 17 dan 18.

<sup>31</sup> Ucapan beliau ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) di Parlimen pada 31 Mac 2006. Mokhtar Petah. *Abdullah Badawi Penjana Modal Insan*. Raspintar Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 154 dan 155.

<sup>32</sup> Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 206, hlm. xxi

Pengajian Tinggi Malaysia. Maka untuk merealisasikan harapan ini memerlukan satu modul yang menekankan unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai sepanjang hayat dari sudut spiritual, fizikal, emosi, intelek dan akhlak terpuji. Oleh itu dengan memantapkan program RAKSI berkonsepkan *al-quwwah al-insāniyyah* dari perspektif al-Qur'an mampu untuk membawa elemen yang dinyatakan di atas.

Tidak dinafikan juga isu kelemahan modul RAKSI yang memerlukan penambahbaikan kepada konsep *al-quwwah al-insāniyyah* yang berasaskan al-Qur'an. Ini kerana modul yang sedia ada tidak merujuk kepada perspektif Islam secara keseluruhan. 11 Modul tersebut berteraskan motivasi luaran semata<sup>33</sup> sedangkan bilangan pelajar muslim hampir kepada 90 peratus di UMP<sup>34</sup>. Ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam kitab *al-Muwatta'*, Imam Malik<sup>35</sup>.

"قَالَ تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضْلُّوا مَا تَمَسَّكُتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ"

"*Telah bersabda s.a.w, Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi mana berpegang dengan keduanya iaitu Kitāb Allah (al-Qur'an) dan Sunnah Nabi-Nya (al-Hadīth)*"

Hadīth ini menjelaskan bahawa kepentingan elemen al-Qur'an dan al-Hadīth menjadi rujukan kepada ummah manusia agar kehidupan di dunia dan akhirat dilayari

<sup>33</sup> Terkecuali Modul ke 6 yang menekan elemen kelestarian rohani dengan aktiviti-aktiviti berbentuk ibadat khusus , majlis ilmu, solat malam dan i robik ( Islamic Senamrobik) yang menjadikan pergerakan seni mempertahankan diri sebagai asas pergerakan di dalam aktiviti senamrobik tersebut.

<sup>34</sup> Sejak tahun 2003-2012 pengambilan pelajar muslim dilihat konsisten iaitu 90 peratus dari keseluruhan pelajar UMP. Sila rujuk Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pejabat Pendaftar, UMP. Sila lihat Panel Penyusun. *Panduan Program Soft Skills UMP*. Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, 2005.

<sup>35</sup> Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, juzu' 5 hlm. 1323

dengan bahtera kebenaran. Rasulullah s.a.w meninggalkan dua perkara kepada umatnya setelah kewafatan baginda s.a.w. Iaitu al-Qur'an dan al-Hadith yang diperintahkan mereka untuk mengambil, menggenggam erat dan berpegang teguh dengan keduanya sebagai sumber rujukan. Berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah manusia akan beroleh pertunjuk dan perlindungan Allah s.w.t. Mereka akan terpelihara dan memperoleh kejayaan selama berpegang teguh dengan kedua perkara tersebut. Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah suatu garis panduan kehidupan manusia untuk membantu mereka membezakan antara yang hak dan yang batil. Justeru itu kewajipan untuk merujuk kepada keduanya adalah suatu perkara yang sudah termaklum dalam agama<sup>36</sup>.

Rasulullah s.a.w bersabda<sup>37</sup>:

وَقَدْ تَرَكْتُ فِيْكُمْ مَا لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُ إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ، كِتَابُ اللَّهِ

*"Sesungguhnya Aku tinggalkan kepada kamu, apa yang tidak akan sama sekali menyesatkan kamu sekiranya kamu berpegang teguh dengannya iaitu Kitab Allah (al-Qur'an)"*

Hadith di atas menjelaskan bahawa al-Qur'an merupakan bekalan peninggalan Rasulullah s.a.w kepada umatnya. Selama mana manusia berpegang teguh terhadap tuntutan al-Qur'an, mereka akan menjalani kehidupan di dunia ini di landasan kebenaran dan terselamat dari jalan kesesatan<sup>38</sup>.

<sup>36</sup> Muhammad Bin 'Abd al-Baqi, *Syarh al-Zarqani 'ala Muwaqtâ' Imam Malik*, juzû' 4, hlm. 367

<sup>37</sup> Muslim, *al-Musnad al-Mukhtasar bi Naql al- 'Adl an al-'Adl Ila Rasulullah*, juzû' 2, hlm. 886

<sup>38</sup> Al-Nawawi, *al-Minhaj Syarh Sahîh Muslim*, juzû' 8, hlm. 170

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisā' ayat 59.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَّعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah s.w.t dan taatlah kamu kepada Rasulullah s.a.w dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya"

Ayat di atas menyatakan bahawa Allah s.w.t menyuruh umat Islam agar mentaati segala perintah yang datang dari Allah Ta'āla. Begitu juga perintah yang datang dari Rasulullah s.a.w dan pemimpin kepada umat Islam. Seandainya berlaku perselisihan dalam membahas sesuatu isu maka hendaklah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Merujuk kepada dua sumber ini merupakan sifat orang beriman dan yakin kepada Allah s.w.t dan hari akhirat. Ini kerana sikap merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan jalan yang terbaik dan diberkati<sup>39</sup>.

Dari tiga hujah di atas melalui ḥadīth dan al-Qur'an jelas menunjukkan bahawa saranan merujuk sesuatu berlandas pandangan al-Qur'an dan al-Sunnah adalah sesuatu yang amat dituntut. Ini kerana terdapat jaminan dari Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w bahawa dengan menjadikan dua sumber tersebut sebagai rujukan adalah suatu jalan

<sup>39</sup> Al-Fairūzābādī, *Tanwīr al-Miqbās*, hlm. 98

penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku dan memperoleh keberkatan dari Allah s.w.t.

Justeru itu kajian ini dilakukan berlandaskan dua faktor ini. Ini kerana pembangunan modal insan pelajar di IPT merupakan sesuatu yang amat genting dan penentu masa depan mereka, sekiranya ia tidak bertepatan sebagaimana kehendak agama ia berkemungkinan akan menyumbang kepada keruntuhan akhlak dan gejala sosial di kalangan mereka. Lebih membimbangkan bukan sahaja mereka menjadi beban permasalahan di dunia bahkan di akhirat seksaan azab Allah s.w.t sedang menunggu. Adapun konsep *al-quwwah al-insāniyyah* yang bakal diaplikasikan dalam Modul RAKSI adalah berasaskan ayat-ayat di dalam al-Qur‘ān al-Karīm.

Saranan dari Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (2008-2010)<sup>40</sup>, Profesor Dr. Abd Jalil Bin Borham melalui surat beliau kepada Pengurus, Institut Kefeloan UMP<sup>41</sup> agar modul RAKSI dikaji dan dinilai semula juga menjadi faktor mengapa program ini dikaji. Melalui surat beliau menyarankan agar satu kajian khusus terhadap modul RAKSI dilakukan dan diberi penilaian semula. Ini untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu dikemaskinikan dan diperbaiki atau dibuat penambahbaikan supaya ia lebih berdaya saing. Beliau juga melahirkan rasa kebimbangannya terhadap permasalahan sosial yang semakin meningkat dan membimbangkan. Justeru itu beliau amat berharap agar hasil kajian ini nanti mampu meningkatkan kualiti isi kandungan dan aplikasi RAKSI untuk terus membantu

---

<sup>40</sup> Singkatan daripada JHEPA selepas ini pengkaji menggunakan istilah ini.

<sup>41</sup> Singkatan daripada IKUMP selepas ini pengkaji menggunakan istilah ini.

menyedarkan pelajar. Ini dengan memberikan kekuatan dalaman supaya mereka mampu untuk mengharungi cabaran globalisasi dunia tanpa sempadan yang terbuka luas<sup>42</sup>.

Selain itu juga cadangan dari para pelajar RAKSI sendiri yang telah menjalani program ini menyarankan agar modul ini menjalani penambahbaikan supaya memenuhi dan menepati sasaran iaitu kepada pelajar baharu UMP. Saranan ini hasil maklum balas kaji selidik yang dilakukan kepada pelajar RAKSI UMP seperti yang dilaporkan oleh Puan Haslinda @ Robita Binti Hashim.<sup>43</sup> Maka dengan itu pernyataan masalah di sini terbahagi kepada dua bahagian:

- i) Konsep *al-Quwwah al-Insāniyyah* menurut al-Qur'ān dan al-ḥadīth. Keperluan ia dikaji dan diaplikasikan dalam program pembangunan insaniah di IPT.
- ii) Kajian kes terhadap program Rakan Siswa (RAKSI) iaitu satu modul pembangunan insan berteraskan kemahiran insaniah untuk mengaplikasikan konsep *al-Quwwah al-Insāniyyah*.

---

<sup>42</sup> Surat rasmi Dekan JHEPA kepada Pengurus IKUMP bertarikh 05 November 2008 menyarankan agar Modul RAKSI dikaji dan dinilai semula. Sila rujuk surat UMP.06.01/13.16/12 ( ). Lampiran A.

<sup>43</sup> Haslinda @ Robita Binti Hashim, Kertas kerja bertajuk *Program RAKSI sebagai wadah penerapan nilai-nilai murni di UMP* di Persidangan Pembangunan Pelajar (NASDEC) pada 8 dan 9 Ogos 2006 di Kuala Lumpur.

### 3. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini untuk menganalisis konsep-konsep asas *al-quwwah al-insāniyyah* menurut al-Qur'ān. Seterusnya objektif kajian ini juga melakukan penambahbaikan terhadap Modul RAKSI berdasarkan *al-quwwah al-insāniyyah*. Modul ini seterusnya akan dicadangkan untuk diaplikasikan di peringkat IPTA tempatan sebagai usaha untuk menyediakan pelapis kepimpinan negara yang seimbang dan sepadu antara kekuatan jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial.

Oleh itu objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan menganalisis konsep-konsep asas *al-quwwah al-insāniyyah* menurut al-Qur'ān dan al-ḥadīth.
2. Merumuskan konsep-konsep mekanisme pembangunan insan berdasarkan al-Qur'ān dan al-ḥadīth.
3. Menganalisis Modul RAKSI berdasarkan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* menurut al-Qur'ān dan al-ḥadīth.
4. Mencadangkan Modul RAKSI berkonsepkan *al-quwwah al-insāniyyah* berdasarkan al-Qur'ān dan al-ḥadīth.

#### 4. Kajian Terdahulu

Menerusi pembacaan dan pengetahuan pengkaji, belum ada kajian lalu membahas tajuk Konsep *al-Quwwah al-Insāniyyah* dari perspektif al-Qur'an dan al-ḥadīth : Analisis Program Rakan Siswa (RAKSI). Ini berkemungkinan kerana program RAKSI hanya khusus terdapat di UMP.

Walau bagaimanapun penulisan berkenaan dengan modal insan menurut pandangan Islam telah banyak dilakukan<sup>44</sup>. Antaranya oleh Abd Rahman Bin Ahmad dalam buku bertajuk "*Pembangunan Modal Insan. Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*", Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang dalam buku bertajuk "*Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran*" dan Ismail Abdullah Siputeh dalam "*Insan dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam*"<sup>45</sup>. Ketiga-tiga buku ini menjelaskan pengertian modal insan dan keperluannya dalam konteks organisasi dan cabaran yang perlu dihadapi dalam menjayakan modal insan ini.

Memandangkan istilah ini masih baru ketika itu, penulis-penulis di atas juga menerangkan bahawa maksud modal insan yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu Abdullah Ahmad Badawi, bukan sebagaimana yang diertikan oleh penulis-penulis Barat yang hanya mementingkan elemen luaran dan bukannya elemen

---

<sup>44</sup> Ini berlaku setelah Abdullah Ahmad Badawi Mantan Perdana Menteri Malaysia mengumumkan istilah Modal Insan dalam RMK9 di Parlimen.

<sup>45</sup> Abd Rahman Bin Ahmad. *Pembangunan Modal Insan Apa dan Kenapa perlu dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Human Resource Academy, 2006. Sila lihat juga Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang. *Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 2008.

dalaman sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Terdapat satu topik di dalam buku “*Pembangunan Modal Insan. Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*” menerangkan perbezaan di antara modal insan menurut pandangan Barat dan modal insan menurut pandangan Islam<sup>46</sup>. Namun Penulisnya hanya mengutarakan ayat-ayat al-Qur’ān yang menggunakan istilah khalifah, sebaik-baik kejadian, hamba yang soleh dan umat yang terbaik<sup>47</sup>. Secara kesimpulannya perbezaan ketiga-tiga buku ini dengan kajian pengkaji adalah dari sudut pengkaji mengkaji satu modul dan memfokuskan kajiannya terhadap konsep *al-quwwah al-insāniyyah* di dalam *al-Qur‘an al-Karīm*.

Selain dari buku di atas terdapat dua buku lain yang telah ditulis oleh Muhammad Shukri Salleh iaitu bertajuk Pembangunan Berteraskan Islam dan Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Kedua buku ini memperkatakan mengenai pembangunan berteraskan Islam. Buku pertama menerusi bab 4 bertajuk pembangunan untuk manusia, bukan manusia untuk pembangunan<sup>48</sup>. Mankala dalam buku kedua bab 3, dibincangkan manusia sebagai pelaku pembangunan<sup>49</sup>. Walau bagaimanapun beliau hanya menyentuh perkara asas tentang pembangunan berteraskan Islam yang antara fokusnya manusia sebagai pelaku kepada pembangunan berteraskan Islam. Adapun pengkaji menjelaskan lebih terperinci melalui kajian ini berhubung konsep *al-Quwwah*

---

<sup>46</sup> Modal Insan menurut perspektif Islam. Sila lihat Abdul Rahman Ahmad, *Pembangunan Modal Insan, apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*, Human Resource Academy, 2006, hlm 21.

<sup>47</sup> Al-Qur’ān, surah al-Tin:4, al-Sajadah:7, al-Baqarah:30, al-Isrā’:70, al-Syams:8-10, al-Ahzāb:72, al-Jāsiyah:24, al-Zāriyat:56, al-Hadid:25-26, al-Shād:61 dan al-Baqarah:112-113.

<sup>48</sup> Muhammad Syukri Salleh. “*Pembangunan Berteraskan Islam*” Utusan Publications and Distributors sdn bhd. Kuala Lumpur, hlm.61

<sup>49</sup> Muhammad Syukri Salleh. “*7 Pembangunan Berteraskan Islam*” Zebra Edition Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm.25

*al-Insāniyyah* yang terangkum di dalamnya mekanisme-mekanisme pembangunan insan menurut al-Qur’ān dan al-ḥadīth.

Pengkaji juga mendapati tajuk ini mempunyai kaitan dengan tesis PhD. Oleh Tunku Sarah Bt Tunku Mhd. Jiwa ”*Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*” 1997<sup>50</sup>. Tunku Sarah dalam tesis PhDnya, menjelaskan bahawa matlamat kajian beliau adalah untuk mengkaji sejauh mana penerapan nilai di dalam pengajaran berlaku di kuliah serta perhubungan formal dan informal yang wujud, seterusnya di dalam pembinaan kemanusiaan individu-individu yang terbabit. Beliau berjaya membina model berlandaskan penulisan Imam Ghazālī, Falsafah Pendidikan Negara (JERI)<sup>51</sup> dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Fokus kajian beliau ialah kepada peranan pensyarah, pelajar dan juga melibatkan peranan ibu bapa serta masyarakat sekeliling berperanan terhadap model penerapan nilai yang beliau kaji di atas.

Manakala Nor Hayati Hj. Alwi pula melalui tesis PhD bertajuk ”*Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains*” bermatlamatkan membina model insan kamil atau melahirkan insan sains muslim. Melalui kajian beliau terbentuk suatu *Teori dan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains (PIKDPS)*. Kaedah yang digunakan beliau adalah *grounded theory* yang disarankan oleh Strauss

---

<sup>50</sup>Tunku Sarah Bt Tunku Mhd. Jiwa. ”*Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*” Tesis PhD. Fakulti Pengajian Islam. UKM, Bangi, 1997.

<sup>51</sup>Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI). Falsafah Pendidikan Negara.

dan Corbin<sup>52</sup>. Hasil akhir kajian ini ialah menyumbang kepada satu usaha islamisasi ilmu pendidikan amnya dan pendidikan sains khususnya dalam Pembelajaran dan Pengajaran Subjek Sains. Kesimpulan yang didapati dari kedua tesis peringkat PhD ini ialah kedua-duanya menumpukan kepada pembinaan model pembangunan modal insan di dalam pengajaran sedangkan pengkaji memfokuskan kajian terhadap suatu modul konsep-konsep asas *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur’ān.

Dari sudut jurnal, terdapat banyak jurnal yang membincangkan mengenai pembangunan modal insan antaranya artikel dalam Jurnal al-Tamaddun terbitan Universiti Malaya dengan topik “*Tinjauan Kepentingan Pembangunan Insan di Malaysia*”. Artikel ini ditulis oleh Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin telah cuba menjelaskan kepentingan pembangunan modal insan sebagai asas kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan bagi sesebuah negara. Antara isi kandungan artikel ini ialah perbandingan modal insan menurut perspektif barat dan Islam. Hasilnya menunjukkan bahawa modal insan berlandaskan syarak ternyata lebih syumul dan sejahtera berbanding dengan tajaan barat yang lebih menitik beratkan keuntungan material dan keduniaan semata-mata<sup>53</sup>. Namun demikian artikel ini tidak membincangkan secara terperinci mengenai kekuatan dan kelemahan manusia selaku penjana kepada modal insan itu sendiri serta jalan penyelesaiannya menurut perspektif al-Qur’ān dan al-hadīth sebagaimana dalam kajian pengkaji.

---

<sup>52</sup> Nor Hayati Hj. Alwi. “*Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains*”. Tesis PhD. Fakulti Pengajian Islam. UKM. Bangi. 2002.

<sup>53</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, “*Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia*”, jurnal al-Tamaddun 7 (1) 75-89, 2012, Universiti Malaya.

Begitu juga jurnal bertajuk “*Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Satu Ulasan Kritis*” oleh Norain Mat Lazim dan Nooriah Yusof. Jurnal ini menyatakan kepentingan peranan universiti terkini dalam melahirkan modal insan yang diperlukan agar berupaya melonjakkan perkembangan ekonomi negara. Justeru ini dalam Rancangan Malaysia kesepuluh (2011-2015), pendidikan telah diletakkan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bertujuan meningkatkan prestasi pelajar supaya dapat menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional menjelang tahun 2020<sup>54</sup>. Walau bagaimanapun jurnal ini tidak membincangkan secara langsung modal insan menurut pandangan Islam sebagaimana yang dalam kajian pengkaji.

Dari sudut prosiding yang mempunyai kaitan dengan tajuk pengkaji ialah “*Prosiding Seminar Tamadun Islam tentang Pembangunan Modal Insan*”<sup>55</sup>. Di antara artikel yang berkaitan dengan tajuk ialah oleh Shuharmi Abdullah, Abdul Jalil Ramli, Huzili Hussin dan Noor Salwani Hussin yang bertajuk “*Melestariakan Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan : Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif Al-Qur'an*”. Nurul Himmah bt Kasan dan Rafeah Saidon “*Akhlik Sebagai Pemangkin Membangunkan Modal Insan Yang Berkualiti Dalam Masyarakat Plural*”.

---

<sup>54</sup> Norain Mat Lazim dan Nooriah Yusof, bertajuk “*Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Satu Ulasan Kritis*”, journal of Social Sciences and Humanities Volume 7, Number 2, 308-327, 2012, UKM.

<sup>55</sup> Prosiding Seminar Tamadun Islam. *Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006. Menjana Sumber Manusia Ke Arah Kecemerlangan Tamadun Islam Semasa*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.

Terdapat artikel-artikel lain yang berkaitan dengan tajuk pengkaji seperti *”Modal Insan dari Perspektif Islam”* oleh Fadillah Mansor di dalam Dewan Ekonomi keluaran Julai 2008 dan *“Modal Insan Berkualiti”* oleh Mohd. Dzul Khairi Mohd Noor di dalam Dewan Masyarakat keluaran September 2007. Kajian artikel di atas walaupun melibatkan modal insan menurut pandangan Islam atau al-Qur’ān dan mengaitkannya dengan isu akhlak, kualiti serta masyarakat plural namun ianya tidak memfokuskan kepada satu konsep-konsep asas modal insan sebagaimana kajian pengkaji dan juga tidak berdasarkan kepada konsep *al-quwwah al-insāniyyah*.

Dari segi modul yang berkaitan dengan tajuk pengkaji di atas pula didapati terdapat tiga modul yang boleh diperbincangkan. Modul pertama Program Integrasi untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul ini baharu dilaksanakan pada 2 hingga 4 Februari 2009 yang lalu di kem-kem PLKN seluruh Malaysia. Ia mengandungi tiga buku atau tajuk utama. Buku pertama bertajuk Kebudayaan, buku kedua bertajuk Keagamaan dan Buku ketiga bertajuk Peranan lelaki dan Perempuan. Program ini dahulunya dikenali sebagai program silang budaya<sup>56</sup> bermatlamatkan integrasi di kalangan kaum-kaum di Malaysia. Dengan semangat integrasi ini akan menjadi pemangkin ke arah masyarakat yang bersatu padu dari bangsa Malaysia yang berusaha membina masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Selain dari UMP, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) mempunyai Modul Rakan Pembimbing Siswa (RPS) yang melibatkan semua pelajar UNIMAP. Program

---

<sup>56</sup> PLKN. *Program Integrasi PLKN: Modul Kebudayaan, Keagamaan dan Peranan Lelaki dan Perempuan*. Starza Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.2009.

ini dikendalikan sepenuhnya oleh staf UNIMAP dan dinaungi oleh Dato' Naib Canselor UNIMAP sendiri. Program yang berbentuk motivasi kehidupan di kampus ini berbeza dengan RAKSI kajian pengkaji. RPS menekankan ciri-ciri modal insan seperti berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul<sup>57</sup>. Namun begitu ia tidak berteraskan konsep *al-quwwah al-insāniyyah* menurut perspektif al-Qur‘ān.

Program Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) bermula pada tahun 1980<sup>58</sup>. Modul ini merupakan sebuah program yang telah diluluskan oleh jemaah menteri untuk diaplikasikan ke sektor-sektor awam. Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan Kementerian yang pertama mewajibkan kakitangannya menjalani program pembinaan insan ini dan diikuti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini berkonseptkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban, keharmonian dan saling menghormati potensi masing-masing. Ia juga merupakan pembentukan kelompok sokongan kepada pegawai yang dikenal pasti di bawah

---

<sup>57</sup> Laman web rasmi Pembangunan Modal Insan. <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html> tarikh akses 29 Jun 2010, jam 10.52 malam.

<sup>58</sup> Program Rakan Sekerja (PERASA) diperkenalkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) pada tahun 1980 atas inisiatif Puan Zuraidah Binti Abdul Rahman kepada para pendidik. Sila lihat <http://www.scribd.com/doc/2523995/pembimbing-rakan-sekerja> tarikh akses 29 Jun 2010, jam 10.50 malam. Program Pembimbing Rakan Sebaya ini telah diperkenalkan kepada sekolah-menengah di seluruh negara pada tahun 1987. Sila lihat <http://www.scribd.com/doc/4088771/Program-Pembimbing-Rakan-Sebaya> tarikh akses 29 Jun 2010, jam 10.51 malam. <http://www.scribd.com/doc/4088771/Program-Pembimbing-Rakan-Sebaya>